

# Buku, laman web pelajar Bangladesh UPM dilancar

**SERDANG** Persatuan Pelajar Bangladesh, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Bahagian Antarabangsa UPM melancarkan buku cenderamata *Bangladeshi Scholars In Universiti Putra Malaysia* di sini baru-baru ini.

Buku itu mengandungi 51 profil siswazah sarjana dan doktor falsafah (PhD) warga Bangladesh yang sedang belajar dan telah menamatkan pengajian di UPM untuk urusan jaringan dan interaksi pada masa hadapan.

Pada majlis itu, laman web persatuan pelajar tersebut di [www.bsaupm.com](http://www.bsaupm.com) juga dilancarkan untuk kemudahan pelajar dari negara terbabit mendapatkan maklumat terkini.

Kaunselor (Politik) dari pejabat Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Malaysia, A.S.M. Waisuzzaman yang hadir dalam majlis itu berkata, pada masa kini seramai 25 pelajar Bangladesh sedang belajar di UPM.

Katanya, sejak tahun 1990, seramai 108 pelajar lepasan ijazah Bangladesh telah menamatkan pengajian di UPM dengan 58 daripadanya mendapat PhD.

Waisuzzaman berkata, pelajar negara itu lebih berminat meneruskan pengajian di Malaysia kerana kos yang lebih murah.

Menurut beliau, jumlah pelajar Bangladesh di negara ini sudah mencapai sehingga 5,000 orang dan semakin meningkat.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata, buku dan laman web itu akan berfungsi sebagai direktori untuk pelajar Bangladesh bertukar-tukar maklumat antara mereka dan komuniti lain dalam UPM.

U-MALAYSIA 20/11/08